

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (DAGING HALAL), 1998

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Daging Halal), 1998 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri dengan Kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal yang ditubuhkan di bawah bab 3 ;

“sijil” bermakna Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Majlis, atau Sijil Penyembelihan berhubung dengan binatang yang dikeluarkan oleh Pengarah Hal Ehwal Syara’iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama ;

“daging halal” bermakna daging yang sesuai untuk dimakan oleh orang Islam menurut hukum syara’, sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis ;

“Permit Import Halal” bermakna suatu permit dalam borang yang ditetapkan yang dikeluarkan oleh Pengawal Kastam, selaku Pengerusi Lembaga, bagi mengimport daging atas syarat-syarat yang disebutkan di dalamnya ;

“Jawatankuasa Pemeriksa” bermakna Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah bab 3 ;

“tanda Halal” termasuk sebarang lembaran kertas, kad atau bahan lain, di mana perkataan “Halal” telah ditulis, dicetak, distensil, ditanda, dicat, dicap atau ditera yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Majlis, dan ditanda atau dicap pada daging tersebut dan setiap bahagiannya atau ditampal pada kontena, bungkusan atau tempat menyimpannya untuk memberi makna bahawa daging tersebut sesuai untuk dimakan oleh orang Islam ;

“daging” bermakna daging lembu, daging kambing, daging kambing biri-biri, daging ayam, daging burung yang halal atau daging mana-mana binatang yang halal atau mana-mana bahagian atau organ binatang itu, dengan atau tanpa tulang dan termasuk tulang daging, daging yang telah diproses dan sebarang bahan yang boleh dimakan yang telah dicampur dengan daging tersebut ;

“Majlis” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi ;

Penggagal 77.

“Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama ;

“Yang Di-Pertua” bermakna Yang Di-Pertua Majlis yang dilantik di bawah bab 13 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

Penggagal 77.

3. (1) Hendaklah ada Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal bagi maksud Perintah ini yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut –

Lembaga  
Mengeluarkan  
Permit Import  
Halal dan  
Jawatankuasa  
Pemeriksa.

- (a) Pengawal Kastam – Pengerusi ;
- (b) Pengarah Hal Ehwal Syara’iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama atau wakilnya – ahli ;
- (c) Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan atau wakilnya – ahli ;
- (d) Pengarah Pertanian atau wakilnya – ahli ;
- (e) Setiausaha Majlis Ugama Islam atau wakilnya – ahli.

(2) Hendaklah ada Jawatankuasa Pemeriksa bagi maksud Perintah ini yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut –

- (a) Pengarah Hal Ehwal Syara’iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama – Pengerusi ;
- (b) Setiausaha Majlis Ugama Islam atau wakilnya – ahli ;
- (c) Timbalan Mufti atau wakilnya – ahli ;
- (d) Pengarah Pertanian atau wakilnya – ahli.

(3) Semua ahli Lembaga dan Jawatankuasa Pemeriksa dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud-maksud Perintah ini hendaklah diberi kad kuasa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk dibawa oleh ahli-ahli dan orang-orang tersebut.

Pengimportan daging halal.

4. (1) Daging hendaklah hanya diimport oleh seseorang yang memegang Permit Import Halal, dan permit eksport dari negara yang mengeksport daging tersebut.

(2) Apabila menerima permohonan bagi Permit Import Halal, Lembaga hendaklah jika pusat penyembelihan yang daripadanya pemohon berhasrat untuk mengimport daging sudah termasuk dalam senarai yang diiktiraf oleh Majlis menimbangkan permohonan itu dan mengemukakan laporannya kepada Majlis untuk keputusan muktamad mengenainya.

(3) Majlis hendaklah, selepas menimbangkan laporan Lembaga, memutuskan sama ada Permit Import Halal akan dikeluarkan kepada pemohon atau tidak, dan Lembaga hendaklah bertindak menurut keputusan Majlis.

(4) Jika pusat penyembelihan tersebut tidak termasuk dalam senarai yang diiktiraf oleh Majlis, Lembaga hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Setiausaha Majlis yang akan, atas arahan Yang Di-Pertua, meminta Jawatankuasa Pemeriksa untuk memeriksa pusat penyembelihan tersebut dan mengemukakan laporannya kepada Majlis untuk keputusan muktamad mengenainya.

(5) Lembaga hendaklah memastikan bahawa hanya jumlah daging yang diperlukan sahaja yang diimport dengan mengambil kira jumlah daging keluaran tempatan.

(6) Lembaga hendaklah memastikan selanjutnya bahawa daging hendaklah hanya diimport dari negara-negara di mana binatang-binatang adalah bebas dari penyakit-penyakit berbahaya dan berjangkit dan hanya binatang-binatang tempatan dari negara yang mengeksport itu sahaja yang disembelih.

(7) Jika Majlis memutuskan bahawa daging tersebut adalah halal dan sesuai untuk diimport, ia hendaklah mengeluarkan Sijil Halal berkaitan dengan daging tersebut dan tanda Halal hendaklah dipamerkan pada daging tersebut oleh pengimport yang akan terus dipamerkan sekalipun semasa daging tersebut dijual di Brunei.

(8) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah membuat penyusunan yang perlu bagi memastikan supaya daging halal tidak bercampur dengan daging yang tidak halal pada sebarang peringkat.

(9) Segala perbelanjaan yang dilakukan semasa menjalankan pemeriksaan ke atas pusat penyembelihan oleh Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah ditanggung oleh pengimport.

5. (1) Daging halal tempatan hendaklah hanya dibekalkan kepada orang ramai oleh seseorang yang memegang lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga.

Daging halal tempatan.

(2) Mana-mana orang yang menyembelih binatang-binatang untuk dimakan oleh orang ramai mestilah orang Islam yang memegang Sijil Penyembelihan.

(3) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memeriksa penyembelihan binatang-binatang dan memuaskan hatinya bahawa penyembelihan itu dijalankan menurut hukum syara', dan hendaklah, setelah ia berpuas hati, mengemukakan laporannya kepada Majlis dan jika Majlis berpuas hati selepas menimbangkan laporan itu, Majlis hendaklah mengeluarkan Sijil Halal berkaitan dengan daging tersebut.

(4) Apabila Sijil Halal dikeluarkan berkaitan dengan mana-mana daging, tanda Halal hendaklah dipamerkan pada daging tersebut oleh pembekal, tanda itu hendaklah terus dipamerkan semasa daging tersebut dijual.

6. Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa mana-mana pusat penyembelihan yang diiktiraf oleh Majlis pada bila-bila masa dan pusat penyembelihan yang berkenaan hendaklah memberi hak untuk masuk dan kemudahan yang dikehendaki bagi pemeriksaan tersebut.

Lawatan pemeriksaan.

7. Prosedur bagi menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Lembaga dan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah ditetapkan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 16.

Prosedur Lembaga dan Jawatankuasa Pemeriksa.

8. Barangsiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan cerai-an-ceraian (1) atau (7) bab 4 adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, penjara tidak melebihi dari 2 tahun, suatu denda tidak melebihi dari \$8,000 atau kedua-duanya sekali, dan Permit Import Halal, jika ada, hendaklah dibatalkan dan Permit Import Halal yang baru hendaklah tidak dikeluarkan kepadanya, mana-mana ahli keluarganya atau mana-mana syarikat di mana dia mempunyai sebarang saham atau kepentingan.

Kesalahan berkenaan dengan daging yang diimport.

9. Barangsiapa menawarkan untuk jualan atau menjual mana-mana daging yang diimport yang telah diimport dengan melanggar peruntukan-peruntukan cerai-an (1) bab 4 adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, penjara tidak melebihi dari satu tahun, suatu denda tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya, penjara tidak melebihi dari 2 tahun atau suatu denda tidak melebihi dari \$8,000, dan Mahkamah hendaklah membatalkan Permit Import Halal, jika ada, pesalah itu.

Kesalahan berkenaan dengan penjualan daging yang diimport.

- Kesalahan berkenaan dengan daging tempatan.** 10. Barangsiapa melanggar peruntukan-peruntukan ceraian-ceraian (1), (2) atau (4) bab 5 adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, penjara tidak melebihi dari satu tahun, suatu denda tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya, penjara tidak melebihi dari 2 tahun atau suatu denda tidak melebihi dari \$8,000, dan Mahkamah hendaklah membatalkan lesen, jika ada, pesalah itu.
- Peruntukan tambahan berkenaan dengan pelanggaran bab-bab 8 dan 9.** 11. Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab-bab 8 atau 9, daging luar negeri yang menjadi perkara tuduhan itu hendaklah dipulangkan kepada negara yang mengeksportnya atas perbelanjaan pengimport atau dimusnahkan bersama kontena, bungkusan, penutup, bekas atau mana-mana barang yang lainnya berkaitan dengannya atau yang dengannya kesalahan itu telah dilakukan.
- Kuasa untuk menahan, menangkap dan merampas.** 12. Mana-mana pegawai polis, pegawai kastam, Merinyu Kesihatan, Merinyu Hal Ehwal Ugama, Merinyu Bandaran atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri boleh menahan atau menangkap mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan di hadapannya atau yang disyukinya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini dan boleh merampas mana-mana daging yang berkaitan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan.
- Kuasa untuk memasuki, menangkap dan memindahkan halangan.** 13. Apabila didapati oleh mana-mana pegawai polis, pegawai kastam, Merinyu Kesihatan, Merinyu Hal Ehwal Ugama, Merinyu Bandaran atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan sama ada telah dilakukan atau sedang dilakukan di mana-mana tempat, dia boleh –
- (a) memasuki tempat tersebut atau menggeledah dan merampas mana-mana daging bersama kontena, penutup, bungkusan, bekas atau mana-mana barang yang lainnya berkaitan dengannya atau yang dengannya kesalahan itu telah dilakukan ;
  - (b) menangkap mana-mana orang yang dijumpai di dalamnya dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang tersebut telah melakukan kesalahan yang dikatakan itu ; dan
  - (c) memindahkan dengan kekerasan sebarang halangan untuk memasuki, menggeledah dan merampas dan memasuki tempat tersebut dan tiap-tiap bahagiannya.

14. Mana-mana orang yang ditangkap atau mana-mana barang yang dirampas di bawah bab-bab 12 atau 13 hendaklah dengan serta-merta dibawa ke Balai Polis bagi penyiasatan yang perlu dan dihadapkan ke mahkamah.
- Orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke Balai Polis untuk penyiasatan.
15. Mahkamah majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.
- Mahkamah majistret hendaklah membicarakan kesalahan.
16. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang menetapkan –
- Aturan-aturan.
- (a) borang Permit Import Halal ;
  - (b) borang-borang sijil dan tanda Halal ;
  - (c) prosedur bagi kehendak-kehendak di bawah bab-bab 4 dan 5 ;
  - (d) prosedur bagi memusnahkan daging yang diimport secara haram ;
  - (e) bayaran ;
  - (f) apa-apa jua yang dikehendaki atau sesuai untuk ditetapkan oleh Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Jamadilawal Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 17 haribulan September, 1998 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM